

07/11/1997

PM temui bekas rakan sekolej

SINGAPURA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berada di Singapura menghadiri perayaan ulang tahun ke-50 perjumpaan bekas pelajar perubatan kelas 1947 Kolej Perubatan King Edward VII.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, menghabiskan setengah hari di sini iaitu sebahagian daripada program sambutan empat hari itu.

Selepas ketibaannya pagi ini, beliau menemui bekas rakan sekelasnya di bangunan Kolej Perubatan di Hospital Besar Singapura untuk sesi fotografi.

Esok doktor dari kelas 1947 itu ke Pelabuhan Klang untuk majlis jamuan teh yang diberikan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah. - Bernama

(END)